



APLIKASI PRINSIP MAQASID SYARIAH DALAM PENGURUSAN IBADAH KORBAN PASCA COVID 19

(*Application of the Principles of Maqasid Syariah in the Management of Post-Covid 19 Sacrifice Worship*)

Ahmad Termizi Ab Lateh^{1*}, Imaaduddin Abdul Halim¹, Adlan Saidin¹, Nurfahiratul Azlina Ahamed¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding Author: fahiratul@uitm.edu.my

Received: 26 September 2020 • Accepted: 5 November 2020 • Published: 30 April 2021

Abstrak

Maqasid syariah merupakan salah satu prinsip sejagat sebagai paksi yang ditentukan oleh syarak untuk dilaksanakan bagi memberi kebaikan kepada hambanya. Maqasid syariah juga merupakan elemen penting yang perlu diambil kira dalam proses pelaksanaan atau pensyariatan sesuatu hukum. Setiap pensyariatan sesuatu hukum pasti disebaliknya ada tujuan dan hikmah yang Allah swt telah tetapkan bagi hambanya. Menyedari hakikat ini keperluan menterjemahkan maqasid syariah dalam setiap aspek kehidupan sebagai contoh dalam bidang pengurusan ibadah korban pasca covid. Penerapan elemen maqasid syariah berupaya menjamin keselamatan dan kesejahteraan ummah agar selari dengan tuntutan dan lunas-lunas Islam supaya ibadah korban menyumbangkan peranannya dalam menjaga 5 prinsip maqasid syariah. Dalam menangani isu COVID 19 dengan memberi kefahaman terhadap rakyat betapa pentingnya fungsi maqasid syariah dalam menjamin kesejahteraan manusia seterusnya menjaga nyawa manusia bagi mengelakkan dijangkiti penularan wabak covid 19 ini dan umat Islam akan terselamat dengan menjaga SOP yang ditetapkan dalam ibadah korban ini. Secara umumnya, metode yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini merupakan sebahagian daripada pendekatan kualitatif yang melibatkan sorotan dan analisis data sekunder yang diperolehi melalui dokumen, hasil kajian atau penulisan yang telah disorot. Data yang diperolehi kemudian dianalisis secara sistematis menggunakan penulisan teknik analisis kandungan.

Kata kunci: Maqasid Syariah, Penyakit, Islam, Keselamatan, covid-19

Abstract

Maqasid syariah is one of the universal principles as the axis determined by syarak to be implemented to benefit his servants. Maqasid syariah is also an important element that needs to be taken in the process of implementation or legislation of a law. Every provision of a law must have a purpose and wisdom that Allah

swt has set for his servants. Recognizing this fact need to translate maqasid syariah in every aspect of life for example in the field of post-covid sacrifice worship management. The application of the elements of maqasid syariah is able to ensure the safety and well-being of the ummah to be in line with the demands and tenets of Islam so that sacrificial worship contributes to its role in maintaining the 5 principles of maqasid syariah. In addressing the issue of COVID 19 by giving the people an understanding of the importance of the function of sharia maqasid in ensuring human well-being and subsequently taking care of human life to prevent the spread of this covid 19 epidemic and Muslims will survive by keeping the SOP set in this sacrificial ritual. In general, the method used in producing this study is part of a qualitative approach that involves highlighting and analysis of secondary data obtained through documents, research results or writing that has been highlighted. The data obtained were then analyzed systematically using writing content analysis techniques.

Keywords: Maqasid Syariah, Disease, Islam, Survive, covid-19

Cite as: Lateh, A.T.A, Halim, 'I.A, Saidin, A. Ahmad, NA. (2020). Aplikasi Prinsip Maqasid Syariah Dalam Pengurusan Ibadah Korban Pasca Covid 19. *Asian People Journal*, 4(1), 187-194.

PENDAHULUAN

Ibadah korban merupakan salah suatu perintah sunat yang dituntut kepada umat Islam yang berkemampuan untuk melaksanakannya. Hukumnya berubah menjadi wajib apabila seseorang itu bernazar untuk melakukan korban. Ia merupakan ibadah tahunan dan hanya dilaksanakan dalam tempoh 4 hari pada bulan Zulhijjah iaitu pada hari raya haji dan hari-hari tasyriq. Korban atau '*udhiyyah*' menurut syarak ialah apa-apa yang disembelih dari binatang ternakan, terdiri dari unta, lembu atau kerbau serta kambing semata-mata untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan syarat-syarat tertentu.

Binatang-binatang ternakan ini disebut di dalam Al-Quran sebagai *al-an'am*. (Al-Bujairimi, 1998) Perintah melakukan ibadah korban adalah berdasarkan firman Allah dalam surah Al-Kauthar ayat 2 yang bermaksud : “*Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai besyukur)*”. Manakala tujuan melaksanakannya dijelaskan di dalam firmanNya yang bermaksud : “*Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadanya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu*” (Al-Hajj:37). Keutamaan binatang untuk dijadikan sembelihan korban adalah unta diikuti lembu atau kerbau dan seterusnya kambing. Unta dan lembu menyamai 7 bahagian manakala kambing hanya menyamai 1 bahagian.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kriteria Binatang Korban

Binatang-binatang yang akan dikorbankan perlu dilihat dari beberapa kriteria dan syarat tertentu, iaitu: (Al-Zuhaili, 2006).

- 1) Umur
 - i. Biri-biri - Genap 1 tahun dan memasuki tahun ke 2
 - ii. Kambing - Genap 2 tahun dan memasuki tahun ke 3
 - iii. Lembu/kerbau - Genap 2 tahun dan memasuki tahun ke 3
 - iv. Unta - Genap 5 tahun dan memasuki tahun ke 6

- 2) Keadaan fizikal
 - i. Sihat dan bebas dari sebarang penyakit.
 - ii. Tiada kecacatan yang menyebabkan berlakunya kekurangan daging serta tiada bahagian badan binatang terpotong seperti telinga, hidung, ekor atau lidah.
 - iii. Kaki binatang tidak tempang yang menyebabkan ia tidak dapat berjalan dengan baik.
 - iv. Mata tidak buta atau rosak salah satu atau kedua-duanya (Al-Bujairimi, 1998).

Asal Usul Ibadah Korban

Dua peristiwa di dalam sejarah Islam telah dikaitkan dengan pelaksanaan ibadah korban pada hari ini. Peristiwa pertama berlaku di zaman Nabi Adam iaitu pertelingkahan yang berlaku di antara dua anak lelaki baginda, Habil dan Qabil. Firman Allah yang bermaksud : “Dan bacakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku dengan sebenarnya, iaitu ketika mereka berdua mempersemprehban satu persembahan korban (untuk mendampingkan diri kepada Allah) lalu diterima korban salah seorang di antaranya (Habil) dan tidak diterima (korban) dari yang lain (Qabil). Berkata (Qabil); “Sesungguhnya aku akan membunuhmu!”, (Habil) menjawab; “Hanyasanya Allah menerima (korban) dari orang-orang yang bertaqwa” (Al-Maidah : 27).

Tragedi pembunuhan yang berlaku ini bertitik tolak dari tindakan Nabi Adam mengahwinkan anak-anak baginda yang kembar secara bersilangan. Qabil tidak berpuas hati kerana pasangannya (kembar Habil) dirasakan tidak cantik dan tidak sepadan dengannya. Untuk menyelesaikan masalah ini, maka Nabi Adam meletakkan syarat supaya Habil dan Qabil melakukan korban. Korban yang diterima oleh Allah menandakan ia layak untuk mengahwini pasangannya (Ibn Kathir, 2002).

Manakala peristiwa kedua adalah kisah yang dihadapi oleh Nabi Ibrahim AS apabila baginda diperintahkan menyembelih anak kesayangannya, Nabi Ismail. Firman Allah yang bermaksud: “Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: “Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat di dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu, maka fikirkanlah apa pendapatmu?”. Anaknya menjawab; “Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu, Insha Allah ayah akan mendapat daku dari orang-orang yang sabar”. (Al-Saffat, 102). Menurut Ibn Kathir (2002), Nabi Ismail dilahirkan ketika usia Nabi Ibrahim mencapai 86 tahun dan memperolehi anak kedua iaitu Nabi Ishaq ketika usia baginda 99 tahun. Kesabaran serta pengorbanan baginda adalah terlalu besar dalam menghadapi ujian daripada Allah SWT.

Hikmah Ibadah Korban

Ibadah korban melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah di atas kepelbagai nikmat yang telah diberikan kepada hamba-hambanya serta menghilangkan perasaan bakhil dan sayangkan harta benda. Korban juga menjadi inspirasi dalam membentuk sikap sanggup berkorban jiwa raga dan harta benda demi agama Islam dan mengharapkan keredaan Allah.

Menghidupkan sunnah yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim dengan menghayati sirah hidup baginda yang telah melalui pelbagai cabaran dan rintangan dalam menyampaikan dakwah kepada kaumnya. Segala ujian dan cabaran yang dilalui oleh baginda telah dihadapi dengan kesabaran yang tiada tolok bandingnya.

Mengeratkan hubungan silaturrahim antara pemberi dan penerima daging korban, jiran dan sahabat handai seperti mana yang dikehendaki oleh Islam serta melahirkan semangat kerjasama apabila bersama-sama mengendalikan proses penyembelihan korban. Kerjasama yang terjalin akhirnya menjadi tonggak perpaduan di dalam masyarakat.

Aplikasi Prinsip Maqasid Syariah

Pensyariatan Maqasid Syariah dalam Islam adalah bagi menjamin kepentingan kehidupan manusia dalam menjalani kehidupan. Menurut pandangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri mencadangkan maqasid syariah difokuskan dalam menangani isu COVID 19 dengan memberi kefahaman kepada rakyat betapa pentingnya fungsi maqasid syariah ini dalam usaha memelihara nyawa, akal dan keturunan (Ahmad Nasir Mohd Yusoff, 2020).

Prinsip Pertama Manjaga Agama

Dalam konteks menjaga agama, ibadah korban menghasilkan sumbangan yang besar dalam menjaga maslahah ummah. Allah SWT menjadikan korban sebagai satu ibadah dalam membangunkan syiar agamaNya serta mendidik hambanya agar lebih taqarrub kepadanya ('Uqbah Amer, 2016).

Hikmah yang paling jelas dan tinggi nilainya mengenai korban adalah untuk menghayati semangat pengorbanan agung yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS ketika mana dia diuji oleh Allah swt supaya menyembelih anaknya Nabi Ismail as. Kemudian Allah swt menebusnya dengan seekor kibas yang diturunkannya dan memerintah Nabi Ibrahim as agar menyembelihnya. Peristiwa ini berlaku setelah Nabi Ibrahim as bersama anaknya berusaha melaksanakan perintah Allah SWT (Mustafa Dib al-Bugha, 2009).

Prinsip Kedua Menjaga Nyawa

Islam sangat menitikberat dan memberi perhatian terhadap keselamatan manusia ketika berhadapan dengan situasi yang menjelaskan kehidupan serta mengancam nyawa. Islam telah menetapkan beberapa garis panduan dalam menghadapi keadaan darurat seperti penularan virus Covid-19. Ketika berada dalam situasi begini pengguna perlu mengambil langkah tertentu seperti mana yang dijelaskan dalam kaedah usul fiqh yang berbunyi sekiranya sesuatu kemudarat tidak dibendung ia akan memberi kesan yang berpanjangan.

Begitu juga prinsip kemudharatan hendaklah dihilangkan. Oleh itu agama juga memberi ruang kepada pihak yang berwajib terhadap urusan masyarakat dan negara supaya mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi menjamin kemaslahatan bersama (Mohamed Fatris Bakaren, 2020). Mengamalkan langkah-langkah pencegahan dari dijangkiti penyakit berjangkit merupakan suatu perkara penting dalam usaha memenuhi tuntutan agama dan nyawa. Dengan statistik kematian semakin meningkat dan pesakit bertambah akibat pandemik covid-19 masyarakat sepatutnya memahami prinsip memelihara nyawa itu penting. Sebagai pemerintah, menjadi tanggungjawab kerajaan mengelakkan penularan wabak merbahaya ini kepada rakyat, selain menjaga ketenteraman dan keamanan agar semua tidak panik (Ahmad Nasir Mohd Yusoff, 2020). Usaha murni oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menangani jangkitan Pendemik COVID-19 ini selaras dengan prinsip maqasid syariah.

Prinsip ketiga menjaga akal

Umat Islam diharuskan menjaga akal yang sihat dalam kehidupan sehari-hari. Sehingga umat Islam diwajibkan untuk mencari ilmu dan pengetahuan untuk mendapatkan wawasan yang cukup sebagai bekal dalam mengharungi kehidupan agar terhindar dari *hubbul dunia*.

Islam mengatur tatacara kehidupan manusia untuk mendapatkan kebahagiaan baik kehidupan di dunia maupun akhirat. Sehingga umat Islam akan terdorong untuk selalu melaksanakan tindakan yang positif dan bermanfaat bagi orang lain serta melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi.

Menurut Dr Mohd Farid Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), ancaman covid 19 dinegara ini sebenarnya mempunyai hikmah yang tersendiri, termasuk bagaimana menerapkan nilai disiplin yang lebih tinggi di kalangan rakyat Malaysia (Firdaus Azil,2020). Ia juga mengajar dan menguji fadilat kesabaran. Ia juga merupakan salah satu sifat murni dalam Islam, bagaimana kita pada masa yang sama bersikap redha terhadap apa yang berlaku, sebagaimana daripada takdir tuhan. Tetapi kita juga mempunyai ikhtiar dan usaha yang begitu tinggi untuk menjauhkan diri kita daripada penyakit yang datang (Firdaus Azil,2020).

Prinsip keempat menjaga keturunan

Prinsip memelihara keturunan adalah penting untuk membentuk masyarakat yang sihat, produktif dan berkesan. Keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat.

Syariat Islam menekankan terhadap aspek penjagaan keturunan kerana ia menjamin terpeliharanya nyawa dan tubuh badan. Prosedur operasi standard (SOP) untuk ibadah korban sempena Aidil Adha yang ditetapkan kerajaan selari dengan hukum syarak dari segi keselamatan dan kesihatan dalam usaha membendung penularan Pendemik COVID-19.

Dalam keadaan normal baharu dan luar dari kebiasaan, kita perlu patuh kepada SOP yang ditetapkan kerana Negara masih belum dapat menangani sepenuhnya ancaman COVID-19. Maqasid syariah berperanan sebagai langkah dan panduan terbaik kepada umat Islam ketika mendepani wabak bahaya Pendemik COVID-19 (Mohd Iskandar Ibrahim, 2020).

Prinsip kelima menjaga harta

Prinsip menjaga harta dalam konteks ibadah korban sememangnya dapat menolong golongan fakir miskin dan mereka yang berhajat. Bagi mereka yang sederhana dan kaya, daging adalah suatu yang bersifat hajiyah kerana apabila mereka berkeinginan mereka mampu memperolehinya. Tetapi bagi golongan asnaf, daging adalah merupakan suatu yang bersifat tahnisiyyah atau pun mewah. Justeru itu ibadah korban memainkan peranan dalam memelihara maqasid syariah dengan memelihara harta melalui ibadah qurban yang dilaksanakan kerana ia dapat mengikis sifat tamak dan seterusnya dapat mengeratkan hubungan persaudaraan antara anggota masyarakat Islam dan semangat berjihad ('Uqbah Amer, 2016).


Tuntutan palaksanaan sedekah dan infak di jalan Allah SWT, sesungguhnya ia menyeru kepada pelaburan terbaik dan yang membawa pulangan yang tiada tandingannya lagi. Pensyariatan ibadah korban menyimpan seribu rahsia dan hikmah baik duniawi lebih-lebih lagi bersifat ukhrawi. Terdapat banyak dalil-dalil yang mengungkap kelebihan amalan berkurban dalam pembangunan umat Islam dan masyarakat sejagat.

Perlu difahamkan berdasarkan fiqh aulawiyyat, bahawa harta yang bersifat perbelanjaan yang besar demi menyelamatkan nyawa rakyat seperti peruntukan perubatan, makanan dan sebagainya adalah penting daripada peruntukan lain walaupun ia menjelaskan ekonomi Negara buat seketika (Abdul Hadi Awang, 2020). Nyawa rakyat yang diselamatkan adalah sumber diri manusia yang lebih didahulukan daripada sumber harta itu sendiri, kerana manusia yang diselamatkan dapat menjana harta selepas itu, dan harta tidak bermakna lagi tanpa manusia yang memakmurkannya (Abdul Hadi Awang, 2020). Prosedur operasi standard (SOP) yang disediakan oleh pihak berkuasa untuk pelaksanaan ibadah korban amat bertepatan dengan maqasid syariah dari segi keselamatan dan kesihatan dalam usaha membendung penularan COVID-19.

Prosedur Operasi Standard (SOP) Ibadah Korban Tahun 1441H

Sambutan Ibadah korban tahun 1441 Hijrah telah berubah landskap kerana serangan pandemik covid 19 di Malaysia. Untuk mengelakkan penularan wabak ini semasa ibadah korban dilaksanakan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) lengkap untuk ibadat ini.


Rajah 1 menunjukkan carta alir bagi Prosedur Operasi Standard (SOP) Ibadah Korban semasa COVID-19. SOP ini boleh dijadikan rujukan untuk dilaksanakan ketika melakukan ibadah korban. Antara SOP yang diberikan perhatian ketika korban adalah jumlah petugas dan kehadiran orang ramai di lokasi korban. (Mohd Nasaruddin Parzi & Ilah Hafiz Abd Aziz, 2020).



Rajah 1: Prosedur Operasi Standard (SOP) Ibadah Korban semasa COVID-19

Pulau Pinang mengambil langkah dengan menggunakan SOP yang disediakan oleh JAKIM (Zuhainy Zulkiffli, 2020). Terdapat tujuh SOP yang boleh dikenalpasti untuk melakukan ibadah korban tahun 1441H yang telah dikeluarkan di Pulau Pinang. Tujuh SOP tersebut adalah seperti berikut:

1. Lokasi korban hendaklah dilakukan di perkarangan masjid atau surau (dewan solat haruslah ditutup) atau mana-mana tempat bersesuaian yang mendapat kelulusan PBT.
2. Umur ahli yang terlibat haruslah dalam lingkungan 21 hingga 60 tahun dan warganegara.
3. Jumlah ahli yang terlibat terhad kepada sepuluh orang untuk satu ekor lembu atau kerbau atau unta manakala terhad kepada empat orang untuk satu ekor kambing namun tiada had jumlah haiwan korban.
4. Kelulusan untuk melakukan ibadah korban adalah seperti di dalam Rajah 2.



Rajah 2: Kelulusan untuk melakukan ibadah korban

5. Perlu membuka kaunter pendaftaran serta pengesan suhu dan cecair sanitasi tangan harus disediakan di kaunter.
6. Menetapkan had sempadan kawasan dan memastikan ahli yang terlibat mempunyai akses keluar-masuk yang jelas.
7. Aktiviti memasak daging korban dan jamuan tidak dibenarkan dan jamuan hanya untuk petugas disediakan secara bungkusan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya memaparkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Ibadah Korban semasa Covid-19 yang telah dijalankan di Pulau Pinang. SOP ini adalah sangat penting bagi memastikan ibadat ini dapat dijalankan dengan mengambil kira langkah berjaga-jaga dalam memastikan penularan wabak Covid 19 di Malaysia amnya dan di seluruh dunia umumnya.

RUJUKAN

- Al-Bujairimi, Sulaiman (1998), *Tuhfat al-Habib 'Ala Sharh al-Khatib*. Beirut : Dar al-Fikr. Jil. 4
- Al-Zuhaili. Wahbah (2006), *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Madhhab al-Imam al-Shafi'e*. Damsyik: Dar al-Qalam. Jil. 1
- Ibn Kathir. Abu al-Fida' Ismail (2002), *Tafsir al-Quran al-'azim*. Cairo: Dar al-Hadith. Jil. 7.
- Firdaus Azil (2020), COVID 19: Islam tuntut umatnya jaga kesihatan, nyawa demi kesejahteraan agama (2020, Mei 11) dimuat turun daripada www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-242578
- Parzi, M. N. & Aziz. I. H. A. (2020, 26 Ogos). Pkpp ibadat korban dibenarkan. Diakses daripada

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/703683/pkpp-ibadat-korban-dibenarkan>).

Uqbah Bin Amer (2016), Hukum-Hakam dan isu-isu dalam ibadah korban, Muzakarah Fiqh & Internasional Fiqh Conference 2016.

Zulkiffli, Z. (2020, 26 Ogos). Pulau Pinang ikut saja SOP Aidiladha yang ditetapkan. Diakses daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/604761/pulau-pinang-ikut-saja-sop-aidiladha-yang-ditetapkan>.

Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. (2020). SOP korban. Diakses daripada <http://jaipp.penang.gov.my/images/pdf/SOP%20KORBAN.pdf>.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Huraian aplikasi 5 prinsip Maqasid Syariah Dalam Tadbir Urus. Dimuat turun daripada www.islam.gov.my/bahagian maqasid-syariah/1181-prinsip-maqasid-syariah